

Bantuan tambahan RM200 lagi

Oleh **HAMDAN OTHMAN**
hamdan@kosmo.com.my

Kosmo
16/1/07

BARU PAHAT - Semua mangsa banjir di Johor yang terlibat dalam bencana alam pusingan kedua itu akan menerima bantuan sebanyak RM200 lagi.

Pada banjir pusingan pertama lalu, hampir semua mangsa telah menerima RM200 dan bantuan kali ini adalah sebagai tambahan untuk meringankan beban mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bantuan itu akan disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya berharap semua mangsa dapat bersabar dalam menghadapi bencana yang tidak diduga ini.

"Ada beberapa lagi bentuk bantuan akan menyusul selepas ini," katanya ketika melawat mangsa banjir di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Parit Raja, di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parit Raja, Aziz Kaprawi dan Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Latiff Yusof.

Selain bantuan kewangan, kerajaan Pusat juga telah bersetuju sebelum ini untuk memberi sebanyak RM500 kepada semua mangsa banjir.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Peringkat Pusat berpuas hati dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan ne-



AWAN mendung tebal terus menyelubungi bandar Kota Tinggi semalam.

geri kepada semua mangsa banjir.

Najib turut berkata, pelatih-pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga akan dilibatkan untuk membantu mangsa-mangsa banjir bukan sahaja di Johor, malah juga di negeri-negeri lain.

Sementara itu, jurucakap bilik gerakan banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor berkata, sehingga pukul 8 malam, seramai 101,716

mangsa daripada 23,178 keluarga kini berada di 291 pusat penempatan banjir di seluruh Johor.

Menurutnya, seramai 41,950 mangsa berada di 124 pusat pemindahan di Batu Pahat, diikuti Kluang (13,345 orang), Johor Bahru Selatan (8,298 orang), Johor Bahru Utara (2,494 orang), Kota Tinggi (14,307 orang), Segamat (5,020 orang), Mersing (8,662 orang), Muar (4,773 orang) dan

Pontian (2,867 orang).

Beberapa kawasan di bandar Kota Tinggi masih ditenggelami air sedalam satu meter akibat limpahan air Sungai Johor yang memutuskan hubungan daerah itu dengan Johor Bahru dan Mersing.

Di Pahang, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 3,559 orang malam tadi berbanding 3,409 yang direkodkan petang tadi.